

UTHM catat kutipan dana paling tinggi

BATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melakar sejarah tersendiri apabila menjadi institut pengajian tinggi (IPT) yang berjaya mengumpulkan dana tertinggi iaitu sebanyak RM10,010.50 untuk Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor.

Selain itu, UTHM juga menjadi perintis melahirkan sukarelawan yang berfungsi sebagai duta yayasan dan membantu pesakit kanser di bawah yayasan tersebut.

Menjalankan Fungsi Naib Canselor UTHM, Profesor Dr Wahid Razzaly berkata, kutipan untuk Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor itu dimulakan 30 November lalu bersempena Fiesta Kokurikulum Mahasiswa UTHM (Fieskom) 2016.

Menurutnya, program yang diketuai Penyelaras Teras Khidmat Masyarakat Fieskom 2016, Ahmad Khirul Nizam Ali merupakan satu kolaborasi strategik antara Pusat Pengajian



Raja Zarith Sofiah menerima kutipan tabung untuk Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor daripada wakil pelajar sambil diperhatikan Wahid (kiri) dan Rosman (dua, kanan).

Umum dan Kokurikulum dengan Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor.

"Pihak universiti turut mewujudkan satu kumpulan Perintis Sukarelawan Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor di kampus ini bagi membantu kerja-kerja amal yang akan dianjurkan kelak."

"Kutipan yang dijalankan itu bertujuan membantu mengurangkan beban dan menyokong mereka yang menghidap kanser," katanya semasa Majlis Penutupan Fieskom

2016 di Dewan Sultan Ibrahim, UTHM, di sini, kelmarin.

Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah berkenan merasmikan majlis dan turut berangkat sama, Tunku Puteri Johor, Tunku Tun Aminah Maimunah Iskandariah Sultan Ibrahim.

Hadir sama, Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor, Datuk Dr Khairi Yakub dan Dekan Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Profesor Dr Rosman Md Yusoff.